



7 Mac 2016
7 March 2016
P.U. (A) 52

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN (AM) KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2016

EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY (GENERAL) (AMENDMENT) REGULATIONS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

PERATURAN-PERATURAN (AM) KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 105 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 8 Mac 2016.

Penggantian peraturan 79

2. Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971 [P.U. (A) 99/1971], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan peraturan 79 dengan peraturan yang berikut:

“Penubuhan 79. (1) Bagi maksud Akta, suatu Jemaah Doktor Jemaah hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:
Doktor.

(a) Pengarah Hospital atau wakilnya, sebagai Pengurus; dan

(b) dua orang anggota daripada kalangan Doktor Pakar atau Pegawai Perubatan.

(2) Jemaah Doktor hendaklah ditubuhkan di kawasan keselamatan sosial dan di tempat yang dinyatakan dalam Jadual IV.”.

Peraturan baharu 79A, 79B dan 79c

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 79 peraturan yang berikut:

“Penubuhan Jemaah Doktor Khas. 79A. (1) Bagi maksud Akta, suatu Jemaah Doktor Khas hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Pengarah Hospital atau wakilnya, sebagai Pengerusi; dan
 - (b) dua orang Doktor Pakar dalam bidang perubatan yang berkenaan.

(2) Jemaah Doktor Khas hendaklah ditubuhkan di kawasan keselamatan sosial dan di tempat yang dinyatakan dalam Jadual V.

Penubuhan Jemaah Doktor Jemaah Doktor Rayuan bagi Semenanjung Malaysia. 79B. (1) Bagi maksud Akta, suatu Jemaah Doktor Rayuan bagi Semenanjung Malaysia hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Ketua Pengarah Kesihatan atau wakilnya, sebagai Pengerusi; dan
 - (b) dua orang Doktor Pakar Perunding dalam bidang perubatan yang berkenaan.

(2) Jemaah Doktor Rayuan bagi Semenanjung Malaysia hendaklah ditubuhkan di kawasan keselamatan sosial dan di tempat yang dinyatakan dalam Jadual VI.

- Penubuhan Jemaah Doktor Rayuan bagi Sabah dan Sarawak.
- 79c. (1) Bagi maksud Akta, suatu Jemaah Doktor Rayuan bagi Sabah dan Sarawak hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:
- (a) Pengarah Kesihatan Negeri atau wakilnya, sebagai Pengerusi; dan
- (b) dua orang Doktor Pakar Perunding dalam bidang perubatan yang berkenaan.
- (2) Jemaah Doktor Rayuan bagi Sabah dan Sarawak hendaklah ditubuhkan di kawasan keselamatan sosial dan di tempat yang dinyatakan dalam Jadual VII.”.

Jadual Baharu IV, V, VI dan VII

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual III Jadual yang berikut:

“Jadual IV
[Subperaturan 79(2)]

(1)	(2)	(3)
Bil.	Kawasan Keselamatan Sosial	Tempat Jemaah Doktor
1.	Kuala Lumpur	<p>Hospital Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.</p> <p>Hospital Ampang, Ampang, Selangor.</p> <p>Hospital Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.</p> <p>Hospital Rehabilitasi Cheras Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.</p>

(1)	(2)	(3)
Bil.	Kawasan Keselamatan Sosial	Tempat Jemaah Doktor
2.	Rawang	<p>Hospital Kuala Kubu Bharu, Kuala Kubu Bharu, Selangor.</p> <p>Hospital Selayang, Selayang, Selangor.</p> <p>Hospital Tanjung Karang, Tanjung Karang, Selangor.</p> <p>Hospital Sungai Buloh, Sungai Buloh, Selangor.</p> <p>Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam, Selangor.</p>
3.	Petaling Jaya	<p>Pusat Perubatan UM, Petaling Jaya, Selangor.</p> <p>Hospital Kajang, Kajang, Selangor.</p> <p>Hospital Serdang, Serdang, Selangor.</p>
4.	Klang	<p>Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor.</p> <p>Hospital Banting, Banting, Selangor.</p>
5.	Johor Bahru	<p>Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor.</p> <p>Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru, Johor.</p>